

MEMORANDUM BERKENAAN GST KADAR SIFAR UNTUK SEMUA JENIS BUKU DAN E-BUKU

Januari 2015

Kepada :

Y.A.B DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
Menteri Kewangan

YB. DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan II

YB. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
Timbalan Menteri Kewangan I

YB. DATUK CHUA TEE YONG
Timbalan Menteri Kewangan II

Disediakan oleh :

Majlis Industri Buku Malaysia (MBIC)

Ahli :

- Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
 - Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA)
- Persatuan Penerbit dan Pengedar Buku Bumiputera Malaysia (PPPBBM)
 - Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM)
- Persatuan Pengeksport Dan Pengimport Buku Malaysia (MBEIA)

Bahawasanya kami:

MAJLIS INDUSTRI BUKU MALAYSIA (MBIC)

Yang menggabungkan persatuan dalam industri buku seperti berikut:

PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA (MABOPA);

PERSATUAN PENJUAL BUKU MALAYSIA (MBA);

PERSATUAN PENERBIT DAN PENGEDAR BUKU BUMIPUTERA MALAYSIA (PPPBBM);

PERSATUAN KONTRAKTOR BUKU MALAYSIA (PKBM); dan,

PERSATUAN PENGEKSORT DAN PENGIMPORT BUKU MALAYSIA (MBEIA).

Pengenalan.

Bahawasanya, kami dari pihak industri buku bersetuju bahawa semua pihak perlu terlibat dalam proses pengurusan dan administrasi percukaian GST.

Bahawasanya, kami berpendapat yang GST Kadar Sifar untuk industri buku dan e-buku (selepas ini dirujuk sebagai buku sahaja) adalah cara yang terbaik untuk menyokong pembangunan seluruh rantai industri buku, bermula dari pengarang, hinggalah kepada kedai buku dan perpustakaan.

Bahawasanya, kami telah berbincang dan mendapati bahawa **status Pembekalan Bercampur yang diberikan kepada industri buku adalah kompleks, dan terlalu sukar** untuk dilaksanakan dengan kemas dan teratur.

Atas kesedaran di atas, kami memohon pertimbangan Kementerian Kewangan Malaysia untuk **memberikan status GST Kadar Sifar kepada semua jenis buku dan e-buku.**

Berikut ialah rasional kami dalam memohon GST Kadar Sifar untuk keseluruhan industri buku :

1. GST Kadar Sifar Untuk Buku Memberikan Kesan Neutral

Buku tidak pernah dikenakan Cukai Jualan. Buku dalam format e-buku juga tidak pernah dikenakan Cukai Jualan. Di peringkat pengilangan, kertas cetakan (*printing grade paper*) dan kertas untuk penulisan (*writing grade paper*) sebagai bahan mentah, juga tidak pernah dikenakan Cukai Jualan.

Di bawah sistem GST nanti, buku buat pertama kalinya akan dikenakan satu bentuk cukai akhir. Kami berpendapat ini adalah sesuatu yang regresif kepada buku dan penyebaran ilmu di kalangan masyarakat.

Kami memohon supaya dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk memberikan status GST Kadar Sifar kepada semua jenis buku atas rasional bahawa kesannya neutral kepada pendapatan kerajaan.

2. GST Kadar Sifar untuk Buku Mempromosikan Budaya Membaca dan Literasi Maklumat

GST Kadar Sifar akan memberikan harga yang terbaik kepada konsumen, dan memastikan yang harga akhir buku terus kekal berpatutan. Ini membantu konsumen untuk memilih buku sebagai belian yang bernilai (*value buy*) dari pelbagai alternatif yang ada.

Dari segi kepentingan literasi maklumat, buku sebagai medium penyampaian ilmu dan maklumat bersaing hebat dengan pelbagai bahan alternatif di dalam Internet. Bahan alternatif mungkin lebih rendah mutunya, tetapi beredar percuma. Contohnya, media sosial, blog hiburan dan Youtube. Sebarang kenaikan harga akhir buku kepada konsumen, akan menyebabkan kejatuhan pembelian buku yang mempunyai nilai literasi maklumat yang lebih tinggi.

Dari segi budaya membaca, kami menyedari bahawa kerajaan telah berusaha gigih untuk sekian lama untuk membina minat membaca rakyat Malaysia melalui pelbagai program (contohnya, Program pembacaan NILAM di sekolah, dan Kempen Membaca Tahunan oleh Perpustakaan Negara Malaysia). Kenaikan harga akhir buku, boleh membantutkan kesan yang telah dicapai dan dipupuk sekian lama ini.

Sesungguhnya, menyedari bahawa minat membaca dan literasi maklumat itu sangat penting kepada pembangunan sumber manusia negara, maka kami memohon untuk dipertimbangkan GST Kadar Sifar untuk semua buku.

3. GST Kadar Sifar Untuk Buku Menjamin Pendidikan Mampu Biaya

Deklarasi UNESCO telah meletakkan hak untuk mendapat pendidikan sebagai satu hak yang fundamental untuk semua manusia. Salah satu strategi utamanya adalah dengan menghapuskan cukai atas ilmu pengetahuan. Secara spesifiknya, strategi ini memfokuskan kepada langkah-langkah untuk meliberalisasi perdagangan bahan pendidikan, saintifik, budaya, mesin utama, apparatus utama, dan bahan mentah.

Menyedari bahawa buku adalah satu rantai penting dalam sistem pendidikan kita, maka buku dibawah sistem percukaian sedia ada telah dibebaskan dari sebarang cukai. Langkah ini telah berhasil, dimana harga buku relatifnya adalah berpatutan di Malaysia.

Sesungguhnya, kita perlu memberikan GST Kadar Sifar kepada buku untuk memastikan sistem pendidikan kita sentiasa mampu biaya (*affordable*) untuk semua lapisan rakyat Malaysia dan meneruskan agenda pendidikan yang universal.

4. GST Kadar Sifar untuk Buku Membangunkan Industri Penerbitan dan Kreatif Tempatan

Umumnya, industri buku tempatan melibatkan hampir 1000 syarikat yang majoritinya berstatus Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Pelaksanaan cukai GST pada April ini akan memberikan kesan negatif kepada jualan dan aliran tunai para IKS. Kesan negatif pasaran ini dijangka berlarutan selama 6 hingga 12 bulan dari tarikh pelaksanaan GST.

Kesan negatif ini menyebabkan banyak IKS terpaksa mengambil pelbagai langkah penjimatan dan mengikat perut. Pelbagai projek penerbitan dan kreatif terpaksa ditangguhkan atau dibatalkan kerana kesan pasaran yang negatif. Kesan negatif ini membantutkan perkembangan para IKS buku di Malaysia.

Setakat ini, masih belum ada maklumat tentang pakej pembiayaan kewangan untuk para IKS menghadapi kesan negatif daripada pengenalan GST.

Menyedari hakikat yang majoriti industri buku terdiri dari para IKS, maka kami berpendapat bahawa GST Kadar Sifar adalah cara paling optimum untuk terus menjana pembangunan dan peluang pekerjaan dalam industri penerbitan dan kreatif.

5. GST Kadar Bercampur Sangat Kompleks Untuk Para IKS Industri Buku

Industri buku telah berbincang dan mendapati bahawa pelaksanaan GST Kadar Bercampur adalah sangat kompleks dan sukar untuk dilaksanakan di kalangan para IKS. Pelbagai persoalan operasi telah ditimbulkan dan memerlukan kepada jawapan dengan kadar segera dari pihak berkuasa, jika tarikh pelaksanaan pada 1 April 2015 nanti mahu dipatuhi.

Pelbagai persoalan operasi yang kami telah kumpulkan itu ada disertakan dalam **Lampiran 1** untuk dibincangkan.

Persoalan ini tidak boleh dikira lengkap, kerana komplikasi GST Kadar Bercampur ini akan menimbulkan lebih banyak isu-isu operasi pada siri perbincangan yang perlu berlangsung secara berterusan dari masa ke semasa.

Kesimpulan.

Melihat kepada pelbagai komplikasi dalam pelaksanaan GST Kadar Bercampur untuk industri buku, kami memohon pertimbangan pihak Kementerian Kewangan Malaysia supaya mengkaji semula status ini untuk industri buku.


Pihak kami ingin mencadangkan supaya GST Kadar Sifar diberikan kepada semua jenis buku dan e-buku, supaya negara dapat memenuhi keperluan pendidikan mampu biaya untuk semua rakyat. GST Kadar Sifar juga akan menjadi katalis kepada pembangunan literasi maklumat dan minat membaca di kalangan rakyat Malaysia.

GST Kadar Sifar untuk buku tidak akan memberikan kesan negatif kepada kewangan negara kerana ia bersifat neutral.

Maklumbalas.

Untuk maklumbalas kepada Majlis Industri Buku Malaysia, pihak Tuan boleh menghubungi saya seperti dibawah pada alamat email : ishamzah@yahoo.co.uk atau telefon : 019-2735657.

Sekian, terima kasih.



Haji Ishak Bin Hamzah.

Pengerusi.

Majlis Industri Buku Malaysia.

d/a Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA).

No 7-6, Block E2.

Jalan PJU 1/42A.

Dataran Prima.

47301 Petaling Jaya. Selangor.

Tel : 03 7880 5840

Email : info@mabopa.com.my

LAMPIRAN 1. Isu Pembekalan Bercampur.

Kami senaraikan pelbagai isu-isu GST Kadar Bercampur (GST Kadar Sifar dan GST Kadar Standard) dalam industri buku seperti berikut :

1.0 Isu Buku Teks Untuk Sekolah

Pihak Kastam Diraja Malaysia (Kastam) memaklumkan yang buku teks dengan kurikulum yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sahaja yang mendapat GST Kadar Sifar.

1.1 Pembekal menghadapi masalah untuk mengenal pasti buku-buku mana yang kurikulumnya diluluskan oleh KPM, terutama yang melibatkan sekolah agama dan sekolah swasta. **Siapakah yang bertanggungjawab mengesahkan kurikulum itu diluluskan oleh KPM?**

1.2 Pihak sekolah agama dan sekolah swasta akan mengeluarkan senarai buku kegunaan mereka setiap awal tahun persekolahan, tetapi senarai yang digunakan berbeza dari sekolah ke sekolah. Malah ada sekolah yang menjalankan dua aliran kurikulum berbeza bawah satu bumbung. **Siapakah yang akan mengiktiraf senarai buku teks dalam kes ini?**

1.3 Buku yang sama mungkin digunakan oleh sekolah lain. Bolehkah GST Kadar Sifar digunakan secara automatik dalam kes ini?

1.4 Bolehkah **Buku Kerja, Buku Rujukan dan Buku Aktiviti yang disenaraikan oleh sekolah dibekalkan dengan GST Kadar Sifar?**

1.5 Ada banyak tajuk buku teks import yang digunakan oleh pelajar untuk **tujuan Self-study, tetapi tidak disenaraikan oleh pihak sekolah. Bolehkah buku-buku ini dibekalkan dengan GST Kadar Sifar sebagai buku teks?**

1.6 Sekolah-sekolah agama menggunakan kurikulum yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri. **Bolehkah pembekalan GST Kadar Sifar digunakan untuk sekolah agama?**

1.7 Sekolah agama rakyat tidak menggunakan kurikulum yang formal. Bagaimanakah **layanan GST untuk pembekalan buku-buku teks sekolah tidak formal?**

1.8 KPM sedang bergerak ke arah buku teks digital untuk sekolah rendah dan sekolah menengah. **Adakah pembekalan buku teks digital mendapat GST Kadar Sifar?**

1.9 Status pembekalan bercampur menyukarkan pembekalan yang dibuat secara *bundle*, di mana buku teks cetak disokong dengan bahan-bahan ujian, rujukan dan tambahan secara online. Bagaimanakah layanan GST untuk bahan-bahan ini?

2.0 Isu E-Buku, E-Majalah dan E-Akhbar

Pihak Kastam memaklumkan yang e-akhbar (enewspaper) sahaja yang menggunakan GST Kadar Sifar.

Pihak Kastam memaklumkan yang pembekal luar negara seperti Google Play, Apple iBookstore, Overdrive dan lain-lain adalah di luar skop GST Malaysia. Manakala pembekal tempatan seperti e-Sentral.com, Celcom Bachabooku akan mengenakan GST Kadar Standard.

2.1 Adakah edisi e-buku yang mana judul edisi cetaknya mendapat GST Kadar Sifar, boleh juga dijual pada GST Kadar sifar?

2.2 Apakah liabiliti penerbit tempatan yang menjual e-buku menggunakan khidmat pembekal luar negara?

3.0 Isu Buku Teks Tertiari (Kolej dan Universiti)

Pihak Kastam memaklumkan yang semua buku teks tertiari edisi bercetak mendapat GST Kadar Sifar.

Tetapi, buku teks digital untuk tahap tertiari adalah GST Kadar Standard.

3.1 **Siapakah pihak yang akan bertanggungjawab untuk mengklasifikasi buku teks untuk tertiari?** Adakah pensyarah, kolej & universiti atau penerbit buku teks sendiri.

3.2 Apakah status GST untuk kategori buku teks tertiari yang dijual di pasaran terbuka, tetapi **tidak diadopsi oleh mana-mana kolej dan universiti sebagai buku teks?**

3.3 Status pembekalan bercampur menyukarkan pembekalan yang dibuat secara *bundle*, di mana buku teks cetak disokong dengan bahan-bahan ujian, rujukan dan tambahan secara online.

4.0 Isu Teks Agama

Pihak Kastam memaklumkan yang hanya Quran, Bible dan kitab-kitab suci agama lain diberikan GST Kadar Sifar.

4.1 Untuk pengguna Islam, Terjemahan Quran dan Tafsir Quran mengandungi kandungan Quran yang signifikan. **Adakah Terjemahan dan Tafsir mendapat GST Kadar Sifar?**

4.2 Merujuk kepada Teks Agama seperti yang disenaraikan dalam artikel Wikipedia http://en.wikipedia.org/wiki/Religious_text , **bolehkah kitab suci agama yang disenaraikan dalam senarai tersebut mendapat status bekalan GST Kadar Sifar?**

4.3 Untuk Pengguna Islam, kitab-kitab Hadis adalah teks agama yang utama. Bolehkah **koleksi hadis didefinisikan sebagai teks agama dan dibekalkan dengan GST Kadar Sifar?**

5.0 Isu Definasi Buku Kanak-Kanak dan Buku Bergambar

Merujuk kepada Warta GST pembekalan Kadar Sifar, Klausula 4903.00 Sub 000 Children's Picture, Colouring or Drawing Books.

Pihak Kastam memaklumkan yang buku mesti mempunyai konten gambar atau ilustrasi melebihi 50% untuk mendapat status GST Kadar Sifar.

5.1 Apakah **definisi buku kanak-kanak** yang akan digunakan dalam kategori ini?

5.2 Bagaimana status **buku yang dibaca oleh dewasa dan kanak-kanak, contohnya buku komik? Bolehkan komik dibekalkan dengan GST Kadar Sifar?**

5.3 Bolehkan **definisi 50%** ini digunakan secara rasmi?

5.4 Bolehkan **buku kanak-kanak yang dicetak pada bahan selain kertas (kain, plastik atau bahan-bahan lain yang disifatkan sebagai Novelties)** dibekalkan pada GST Kadar sifar?

6.0 Buku Latihan Vs Buku Nota

Menurut pihak Kastam, buku latihan diberikan GST Kadar Sifar. Manakala buku nota adalah GST Kadar Standard.

6.1 Apakah definisi bagi buku latihan? Secara umumnya, buku latihan adalah buku nota yang dicetak dengan nama sekolah pada kulit.

7.0 Massive Open Online Course (MOOC).

Pihak Kastam memaklumkan yang semua konten secara online adalah GST Kadar Standard.

8.0 Jurnal

Pihak Kastam memaklumkan yang jurnal adalah GST Kadar Standard.

9.0 Isu Trade Book

9.1 Ada novel sastera dan popular yang digunakan sebagai buku teks di peringkat sekolah dan tertiar. Buku-buku ini mempunyai dwiguna (*dual usage*). Apakah **dokumen yang diperlukan untuk membekalkan buku dwiguna dengan GST Kadar Sifar?**

9.2 Adakah **semua edisi buku (termasuk edisi Hard Cover, Soft Cover, Abridge)** yang terpilih sebagai buku teks boleh dibekalkan pada GST Kadar Sifar?

10.0 Isu Bekalan Ke Perpustakaan

Pihak Kastam memaklumkan yang buku rujukan yang dibekalkan ke perpustakaan mendapat GST Kadar Sifar.

10.1 Ada pelbagai perpustakaan di Malaysia. **Apakah definisi perpustakaan yang diguna pakai?**

10.2 Adakah semua buku yang dibeli oleh perpustakaan boleh **dikategorikan sebagai buku rujukan?**

11.0 Isu Label Harga

Pihak Kastam memaklumkan yang label harga pada satu produk mesti inklusif dengan GST. Dari segi operasi, isu label harga inklusif GST ini adalah satu aspek yang paling intensif.

11.1 Pihak industri telah memaklumkan kepada kami yang hampir mustahil untuk menukar label harga pada produk sedia ada dalam tempoh yang singkat. Proses melabel harga ini memerlukan tenaga kerja manusia yang sangat intensif. **Proses melabel harga untuk inventori buku sedia ada di pekedai, pengedar dan juga penerbit memerlukan masa sekurang-kurangnya beberapa minggu.**

11.2 Label harga RRP (*Recommended Retail Price*) inklusif dengan GST boleh menjadi salah faham kepada pembeli akhir. Ini kerana

- a. Tidak semua pekedai berdaftar GST.
- b. Pekedai memberikan diskaun yang berbeza-beza kepada pembeli akhir, mengikut strategi bisnes masing-masing.

Oleh kerana harga akhir kepada konsumen akan berbeza-beza mengikut pekedai, maka **harga RRP inklusif GST yang dicetak pada buku sudah tidak lagi betul.**

11.3 Survey secara kasar di kalangan pembeli akhir menyatakan bahawa konsumen lebih cenderung kepada label harga yang menyatakan dengan jelas;

- a. Harga Sebelum GST
- b. Kos GST
- c. Harga Selepas GST.

11.4 Label harga dalam perkara 11.3 juga bermanfaat kepada pelancong, kerana jelas menunjukkan nilai GST yang mereka boleh tuntutan semula semasa keluar dari Malaysia.

TAMAT.